

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
(HULU SELANGOR)**

TARIKH : NOVEMBER – DISEMBER 2021

SOALAN

PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI [HULU SELANGOR] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan secara terperinci kronologi isu projek Klang Valley Double Tracking Phase 2 (KVDT2), kos yang ditanggung Kerajaan dan apakah perancangan Kerajaan untuk menyiapkan projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos yang ditanggung Kerajaan ekoran penamatan Projek KVDT Fasa 2 masih belum dapat ditetapkan memandangkan Syarikat DM-LTAT telah memfailkan tindakan undang-undang terhadap Kerajaan Malaysia susulan daripada keputusan penamatan Projek KVDT Fasa 2.

Keputusan Pembatalan SST terhadap Syarikat DM-LTAT adalah dibuat secara kolektif dan *bona fide* oleh Jemaah Menteri bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara di samping memberikan nilai terbaik (*best value for money*) untuk kepentingan Kerajaan dan negara secara amnya.

Di dalam merancang dan melaksanakan sesuatu projek, terdapat isu-isu yang timbul dan ianya bersifat dinamik. Cara penyelesaian sesuatu isu adalah berbeza berdasarkan kompleksiti projek tersebut.

Projek KVDT Fasa 2 ini boleh dilaksanakan dengan perancangan yang teliti, kerjasama di antara pelbagai pihak termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Syarikat yang mempunyai pengalaman dan kompeten dalam projek Rel adalah *push factor* untuk menyiapkan Projek KVDT fasa 2 ini.

Bersama-sama ini juga dilampirkan kronologi pelaksanaan Projek Menaiktaraf Kemudahan Infrastruktur Landasan Berkembar Elektrik Di Lembah Klang (KVDT) Fasa 2.

KRONOLOGI PELAKSANAAN PROJEK MENAIKTARAF KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR LANDASAN BERKEMBAR ELEKTRIK DI LEMBAH KLANG (KVDT) FASA 2

| BIL | PERKARA | TARIKH |
|-----|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| 1. | Surat kelulusan kerja awalan daripada Kementerian Kewangan Malaysia mengenai pelaksanaan Projek Menaik Taraf Kemudahan Infrastruktur Landasan Kereta Api Berkembar Elektrik di Lembah Klang (KVDT) Fasa 2. | 21 April 2017 |
| 2. | Surat Setuju Terima (SST) kepada Syarikat Dhaya Maju LTAT Sdn. Bhd. (Syarikat DM-LTAT) dikeluarkan. | 4 April 2018 |
| 3. | Mesyuarat Jemaah Menteri memutuskan untuk membatalkan SST yang dikeluarkan dan projek ditender semula. | 19 September 2018 |
| 4. | Mesyuarat Jemaah Menteri memutuskan agar keputusan Jemaah Menteri pada 19 September 2018 dikekalkan. | 19 Oktober 2018 |
| 5. | Notis Pembatalan SST dikeluarkan susulan daripada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 Oktober 2018 | 19 Oktober 2018 |
| 6. | Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju bahawa projek ini diteruskan dengan Syarikat DM-LTAT dengan kos kontrak yang baharu sebanyak RM4,475,250,000.00 iaitu pengurangan sebanyak RM789,750,000.00 bersamaan dengan pengurangan sebanyak 15% daripada kos Projek KVDT Fasa 2 yang asal tanpa pengurangan skop-skop kritikal seperti <i>flood mitigation</i> . | 5 Julai 2019 |
| 7. | SST baharu telah dikeluarkan pada 19 Ogos 2019 kepada Syarikat DM-LTAT. | 19 Ogos 2019 |
| 8. | Mesyuarat Jemaah Menteri memutuskan supaya Projek KVDT Fasa 2 dilaksanakan secara Opsyen 2 iaitu ditender semula bagi mendapatkan nilai terbaik (<i>best value for money</i>). | 28 Ogos 2020 |
| 9. | Mesyuarat Jemaah Menteri memutuskan supaya keputusan Projek KVDT Fasa 2 dilaksanakan secara Opsyen 2 iaitu ditender semula bagi mendapatkan nilai terbaik (<i>best value for money</i>) dikekalkan. | 2 September 2020 |
| 10. | Notis Pembatalan SST dikeluarkan. | 23 September 2020 |

| BIL | PERKARA | TARIKH |
|-----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| 11. | Lanjutan daripada keputusan Kerajaan untuk membatalkan SST Projek KVDT Fasa 2, Syarikat DM-LTAT telah memfailkan 4 tindakan undang-undang, antara lain, terhadap Kerajaan Malaysia dan YB Menteri Pengangkutan | |
| 12. | Mesyuarat Jemaah Menteri memutuskan supaya mesyuarat diadakan atas dasar tanpa prejudis antara Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Setiausaha MOT dan Peguam Negara dengan pihak Syarikat DM-LTAT, antara lain, bagi membincangkan isu berbangkit dan cadangan penyelesaian pertikaian berhubung Projek KVDT Fasa 2. | 14 April 2021 |
| 13. | Mesyuarat Jemaah Menteri memutuskan supaya Jawatankuasa Penyelesaian Hala Tuju Pelaksanaan Projek KVDT Fasa 2 mencari penyelesaian terbaik berhubung hala tuju pelaksanaan Projek KVDT Fasa 2. | 23 Jun 2021 |
| 14. | Mesyuarat Jemaah Menteri memutuskan supaya MOT membentangkan Memorandum mengenai hala tuju Kerajaan berhubung kes mahkamah yang dihadapi susulan pembatalan SST kepada Syarikat DM-LTAT sebagai kontraktor dalam Projek KVDT Fasa 2 untuk pertimbangan dan persetujuan Jemaah Menteri. | 24 September 2021 |
| 15. | Kementerian Pengangkutan telah membentangkan hala tuju Projek KVDT 2 dan keputusan Jemaah Menteri akan disahkan dalam Mesyuarat akan datang. | 26 November 2021 |

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

**DARIPADA : YB TUAN KARUPAIYA A/LMUTUSAMI (PADANG
SERAI)**

SOALAN

TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI [PADANG SERAI] minta **MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan dalam membantu bekas polis yang terjejas
disebabkan kehilangan pendapatan sehingga menjadi punca kepada isu
kesihatan mental.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sentiasa meneliti dan merangka inisiatif yang bersesuaian untuk membela nasib dan kebajikan anggota serta bekas anggota pasukan keselamatan. Ini bagi membantu mereka untuk mendepani kos sara hidup yang semakin tinggi pada masa ini. Seperti mana pesara perkhidmatan awam yang lain, pesara polis adalah layak dibayar pencen bulanan.

Di samping itu, bagi menghargai jasa, pengorbanan dan kebaktian pesara dan bekas polis dalam mempertahankan negara dari ancaman dan keganasan komunis semasa tempoh darurat, Kementerian Dalam Negeri telah bersetuju untuk pembayaran wang tunai sebanyak RM500 secara *one-off* diberikan kepada penerima Pingat Jasa Pahlawan Negara (PJPN). Pembayaran ini dibuat secara berperingkat selama dua tahun mulai tahun 2021 hingga 2022.

Selain itu, terdapat lima jenis bantuan diberikan kepada pesara dan bekas polis melalui Tabung Amanah Warisan Polis (TAWP) iaitu:

i. TAWP 1 (KHAIRAT KEMATIAN)

Mereka yang layak menerima bantuan adalah:

- a. Pesara Polis / Bekas Polis sebanyak RM1,500;
- b. Isteri / Suami sebanyak RM800; dan
- c. Tanggungan sebanyak RM500.

ii. TAWP 2 (BANTUAN PERGERAKAN)

Mereka yang layak menerima bantuan adalah pesara dan bekas polis yang memerlukan:

- a. Kerusi Roda sebanyak RM1,000;
- b. Tongkat Kaki 1 sebanyak RM60;
- c. Tongkat Kaki 3 sebanyak RM120;
- d. Tongkat Bahu sebanyak RM150; dan
- e. *Walking Frame* sebanyak RM180.

iii. TAWP 3 (BANTUAN PERUBATAN / ANGGOTA PALSU / SAKIT KRONIK)

Mereka yang layak menerima bantuan adalah pesara dan bekas polis yang memerlukan:

- a. Perubatan Biasa sebanyak RM1,000;
- b. Perubatan Penyakit Kritikal sebanyak RM 5,000 maksimum;
- c. Anggota Palsu (Tangan Palsu, Kaki Palsu & lain-lain berdasarkan laporan perubatan sebanyak RM5,000 maksimum; dan
- d. Bantuan Pesakit Kronik (bagi yang terlantar / strok / tiada harapan untuk sembuh / koma) sebanyak RM200 sebulan.

iv. TAWP 4 (BANTUAN PENDIDIKAN)

Mereka yang layak menerima bantuan adalah pesara dan bekas polis yang mempunyai anak melanjutkan pelajaran:

- a. Peringkat Rendah sebanyak RM500;
- b. Peringkat Menengah sebanyak RM1,000; dan
- c. Peringkat Tinggi sebanyak RM3,000.

v. TAWP 5 (BANTUAN BENCANA ALAM)

Mereka yang layak menerima bantuan adalah pesara dan bekas polis yang terkesan dengan bencana:

- a. Kerugian RM 50,000 ke atas sebanyak RM10,000 maksimum;
- b. Kerugian RM10,000 – RM49,999.99 sebanyak RM4,000;
- c. Kerugian RM5,000 – RM9,999.99 sebanyak RM2,000; dan
- d. Kerugian RM4,999.99 ke bawah sebanyak RM1,000.

Kementerian menerusi Polis Diraja Malaysia sentiasa memantau kebajikan pesara dan bekas polis bagi menghargai jasa dan bakti mereka dalam menjaga keamanan negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
(PADANG SERAI)**

SOALAN

TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan mengenal pasti sekolah Tamil yang mempunyai bilangan murid yang sedikit, hal ini kerana kebanyak penduduk telah berhijrah dari kawasan ladang ke kawasan perumahan/taman. Kementerian perlu mengambil tindakan rancangan jangka masa panjang untuk mengalihkan sekolah tersebut ke kawasan yang bersesuaian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mendefinisikan Sekolah Kurang Murid (SKM) sebagai sekolah yang berenrolmen 150 murid dan ke bawah. Berdasarkan data sehingga 31 Oktober 2021, bilangan SJKT yang berstatus SKM adalah sebanyak 367 buah sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah merangka beberapa strategi bagi menangani isu SKM di bawah inisiatif Pelaksanaan Pelan Hala Tuju SKM. Antara strategi tersebut adalah pemindahan atau penempatan semula SKM dan penggabungan SKM.

Strategi pemindahan atau penempatan semula SKM dilaksanakan di kawasan yang mempunyai bilangan penduduk yang tinggi bagi membantu untuk meningkatkan enrolmen sekolah tersebut. Strategi ini dilaksanakan sekiranya SKM memenuhi beberapa kriteria iaitu tapak baharu telah dikenal pasti dan mendapat persetujuan bertulis majoriti ibu bapa/penjaga murid. Antara faktor utama permohonan pindah lokasi yang dikemukakan ialah:

- (i) tapak sekolah asal diambil semula oleh pemilik;
- (ii) penurunan kadar enrolmen; dan
- (iii) keadaan tapak di lokasi asal yang tidak selamat.

Strategi penggabungan sekolah pula dilaksanakan dengan menggabungkan sekolah yang sama jenis dalam lingkungan 5 kilometer dari sekolah asal. Walau bagaimanapun, penggabungan ini juga tertakluk kepada persetujuan bertulis majoriti ibu bapa atau penjaga.

KPM berkeyakinan bahawa menerusi strategi yang telah dilaksanakan di bawah Pelan Hala Tuju SKM ini, isu SKM akan dapat ditangani dengan berkesan dan sumber pendidikan yang dibekalkan oleh KPM akan dapat dimanfaatkan oleh murid sepenuhnya. KPM akan terus meneliti pendekatan terbaik bagi memastikan kapasiti sekolah dan sumber pendidikan diseluruh negara dapat dioptimum.